


# BULETIN

## AKADEMI PENGAGIAN MELAYU



**“JIWA, ADAT DAN ADAB”**



**ANUGERAH KHAS  
SEMPENA 40 TAHUN  
HUBUNGAN DIPLOMATIK  
MALAYSIA-CHINA**



# ASPIRASI

## AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

### VISI

Untuk menjadi pusat ilmu Pengajian Melayu yang ternama pada peringkat antarabangsa dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

### MISI

Untuk memartabatkan bidang ilmu Pengajian Melayu dari segi pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan, penerbitan berkualiti dan inovasi.

2019

#### Mengkomersialkan Penyelidikan dan Program

- Melaksanakan program APM berbayar.
- Proses penjanaan pendapatan yang berjaya.
- Negara sasaran ialah negara benua Eropah.

2018

#### Memimpin Dalam Ilmu Pengajian Melayu

- Mempunyai barisan pemimpin APM yang berkaliber.
- Mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan dan penerbitan.
- Negara sasaran ialah negara Asia Barat.

2017

#### Melaksanakan “Benchmark” Antarabangsa

- Menjalankan kerjasama rasmi melalui MOU/MOA pada peringkat antarabangsa.
- Membuat “benchmark”.
- Negara sasaran ialah negara Asia Barat.

2016

#### Menguatkan Hubungan Antarabangsa

- Mewujudkan hubungan erat dengan institusi luar.
- Promosi Hab Ilmuan APM.
- Negara sasaran ialah negara Asia Timur (Jepun, Korea dan lain-lain).

2015

#### Memantapkan Kaedah/Modul Sedia Ada

- Proses pengambilan pelajar berkualiti.
- Kaedah pengajaran dan pembelajaran mantap.
- Negara sasaran ialah dalam Asia Tenggara dan Asia Timur.

## PELAN STRATEGIK AKADEMI PENGAJIAN MELAYU



# Kandungan

Perutusan Pengarah.....	4
Pengiktirafan.....	5
Seminar/Persidangan/Bengkel/Kursus.....	12
Hubungan Luar.....	14
Program Jaringan Masyarakat.....	16
Latihan Industri.....	17
Peristiwa Bergambar APM.....	18
Festival APM 2015.....	19
Kenduri Rakyat.....	21
APM dan Media.....	22
Buku Terbaru.....	24
Aktiviti Pelajar.....	26
Konvokesyen.....	28

## Sidang Pengarang

### PENASIHAT

Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan

### KETUA SIDANG PENGARANG

Profesor Madya Dr. Hashim Ismail

### SIDANG PENGARANG

Dr. Norhayati Ab. Rahman

Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Dr. Salinah Jaafar

Dr. Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi

Dr. Rohaidah Haron

Dr. Madiawati Mamat@Mustaffa

Dr. Maizira Abdul Majid

Encik Mohd Hafiz Jumali

Encik Mohd Noor Zulhaimi Yaacop

Encik Mohamad Fauzi Ismail

Puan Sharifah Zainun Syed Sahil

Puan Ahna binti Sum Sum

Puan Nurhazwani Moktar

Puan Norfazana Muizi



### Dari Meja Sidang Pengarang

Buletin APM bagi kalendar 2015 ini menampilkan kejayaan, pengiktirafan dan sosok-sosok aktiviti sepanjang tempoh setahun. Banyak kejayaan staf dan pelajar yang terpapar secara bergambar. Sebetulnya semua rakaman peristiwa cuba dimasukkan, namun kekangan ruangan yang terhad memaksa sidang pengarang membuat pilihan. Sebagai satu laporan ringkas dan laporan bergambar, diharap Buletin APM akan menjadi medium mempromosikan APM dalam kalangan masyarakat kampus dan alumni Universiti Malaya. Bilangan percetakan yang terhad menyebabkan hanya segelintir masyarakat luar yang dapat menatap edisi cetak. Bagaimanapun Buletin APM 2015 juga beredar secara dalam talian, disiarkan dalam laman web rasmi APM.

Tahun 2015 menyaksikan kejayaan APM mendapat anugerah di peringkat antarabangsa, terutama pengiktirafan dari negara China, APM selaku institusi yang berjaya mengembangkan Bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Turut sama mengiktiraf APM selaku pengembang Bahasa Melayu adalah dari Kementerian Pelajaran Malaysia yang diterima oleh Pengarah APM. APM juga diiktiraf sebagai penggiat penting program Nukilan Jiaku, tajaan Maybank. Hasilnya, seorang pensyarah APM akan ke Bourdeaux, Perancis untuk menjadi antara wakil Benua Asia selaku panel penilai program International Abylympic 2016. Malahan terdapat staf akademik yang memenangi medal dalam sidang hasil penyelidikan. Seorang staf dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sasterawan Negara ke-13 oleh Kerajaan Malaysia. Seorang profesor senior APM dianugerahkan gelaran Profesor Emiretus pada majlis konvokesyen tahun ini. Beberapa orang pensyarah diiktiraf pada peringkat nasional dalam bidang masing-masing. Kejayaan demi kejayaan ini bukan kejayaan staf tenaga akademik sahaja kerana terdapat juga pelajar APM yang memenangi Anugerah Penulis Muda ASEAN yang diberikan oleh organisasi di Thailand, di samping pengiktirafan lain pada peringkat nasional. Kami berbangga untuk berkongsi momen-momen kejayaan APM ini. Tidak lupa juga, rakaman peristiwa kejayaan dan pengiktirafan seperti maklumat tentang penerbitan, seminar, jaringan masyarakat, konvokesyen dan lainnya yang disertakan dalam edisi kali ini.

Akhir kata, saya sebagai mewakili pasukan sidang pengarang Buletin APM 2015 mengucapkan tahniah kepada semua kakitangan pengurusan, pentadbiran, staf akademik dan pelajar APM yang mengharumkan nama APM khususnya, dan nama Universiti Malaya amnya. Kejayaan ini adalah berkat usaha dan kerjasama semua pihak. Saya ingin menamatkan ruangan “Dari Meja Sidang Pengarang” ini dengan ucapan “Setiap orang tidak kira siapa mereka adalah penyumbang kepada kejayaan sebuah organisasi”.



**Profesor Madya  
Dr. Hashim Ismail**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Penyelidikan  
dan Pembangunan,  
Akademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya



“Bagi tahun 2016, APM telah merangka plan strategik, iaitu untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa. Pada tahun ini, APM akan mewujudkan perhubungan yang erat dengan institusi-institusi luar; mempromosikan APM sebagai hab ilmuhan dan menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari Korea dan Jepun datang menyambung pengajian di APM.”

**Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan**  
Pengarah  
Akademi Pengajian  
Melayu

Bismillahirrahmanirahim.

Pertamanya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Jawatankuasa Buletin yang bertungkus-lumus menghasilkan Buletin APM 2015 sehingga diterbitkan pada tahun ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga Akademi Pengajian Melayu (APM) yang sama-sama mengembeling tenaga untuk menaikkan nama APM. Pada tahun 2015, banyak usaha yang dilakukan oleh warga APM untuk mempertingkat lagi mutu perkhidmatan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, menjalankan hubungan dengan institusi luar sama ada di dalam atau di luar negara.

Terdapat banyak aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2015 yang melibatkan pensyarah, pelajar dan staf sokongan seperti Program Khidmat Masyarakat, Diskusi, Wacana, Forum, Bengkel, Kolokium, Seminar, Persidangan, Malam Tautan Kasih (MALTIS), Festival APM dan Kenduri Rakyat. Semua program ini dijalankan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang sangat baik.

Sepanjang tahun 2015, pelbagai anugerah telah diterima oleh ahli akademik APM. Ini membuktikan bahawa usaha dan hasil kerja mereka mendapat pengiktirafan baik pada peringkat nasional mahupun antarabangsa. Antaranya anugerah berprestij yang diterima oleh Dato’ Dr. Zurinah Hassan yang menerima Anugerah Sasterawan Negara yang ke-13; Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan menerima Anugerah Penghargaan Akademik Bahasa Melayu; Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali memenangi Hadiah Sastera Darul Iman bagi Kategori Buku Ilmiah; Prof. Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid menerima Anugerah Cemerlang UM (kategori Pensyarah Cemerlang) dan Dr. Sabzali Musa Khan mendapat Anugerah Cemerlang UM (kategori Seni dan Kreativiti). Dr. Sabzali Musa Khan juga menerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik yang dibentang di Turki. Manakala Program Nukilan Jiwaku anjuran bersama APM, Maybank dan Majlis Pemulihan Malaysia telah terpilih sebagai program terbaik dan menerima Anugerah Presiden Maybank (*Cahaya Kasih President’s Award*).

Pencapaian mahasiswa APM juga sangat membanggakan. Antaranya Nurhalwa Ziemah Mazlan memenangi Johan Program Pembinaan Bakat Siswa; Luqman Nulhakim Harzamar terpilih sebagai Juara Pembahas Terbaik PEMANAS 3 dalam Persidangan Kepimpinan Mahasiswa Nasional dan Mohd. Shamsul Amin dianugerahkan ASEAN Young Writers Award. Manakala Mohd Shahir Ramli (Pelajar OKU cacat penglihatan) telah berjaya mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Records dengan kayuhan basikal sejauh 316 km.

Sepanjang tahun 2015, banyak kerjasama dengan pihak luar turut dijalankan. Antaranya MOU dengan Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala, Thailand; Universiti Andalas, Indonesia dan Universiti Dayanu Ikhwanuddin, Indonesia.

Bagi tahun 2016, APM telah merangka plan strategik, iaitu untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa. Pada tahun ini, APM akan mewujudkan perhubungan yang erat dengan institusi-institusi luar; mempromosikan APM sebagai hab ilmuhan dan menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari Korea dan Jepun datang menyambung pengajian di APM.

Semoga APM akan terus cemerlang di persada antarabangsa.

# Pengiktirafan Akademi Pengajian Melayu

## ANUGERAH KHAS SEMPENA 40 TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA



Pada 18 Disember 2014 yang lepas, telah diadakan satu majlis sambutan sempena 40 tahun hubungan Diplomatik Malaysia - China bertempat di Shangri-La Hotel, Kuala Lumpur.

Sehubungan dengan itu, pihak kedutaan China telah menjemput Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Pengarah APM untuk menerima Anugerah Khas di majlis tersebut. Anugerah ini adalah bertujuan untuk menghargai dan memberi pengiktirafan kepada Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam mengembangkan Bahasa Melayu di Negeri China. Anugerah tersebut disampaikan oleh Duta Besar China ke Malaysia, Dr. Huang Huikang dan penerima anugerah dihadiahkan pas visa ke China selama lima tahun.

Bagi pihak APM, ini merupakan satu penghargaan yang besar dan menjadi suntikan semangat kepada kami untuk menaikkan lagi martabat Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, seterusnya menaikkan nama Universiti Malaya di mata dunia.

## PENGHARGAAN MAYBANK BERHAD KEPADA AKADEMI PENGAJIAN MELAYU ATAS KERJASAMA MENGANJURKAN PROGRAM ABILYMPICS: NUKILAN JIWAKU



## Kejayaan Staf APM 2015

**D**i sepanjang tahun 2015, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya telah mencatat sejarah kejayaan stafnya dalam dunia akademik, melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang diberikan oleh pelbagai pihak. Antara mereka yang diberikan pengiktirafan atas kecemerlangan sumbangannya kepada dunia akademik, adalah seperti berikut.

### ANUGERAH PENGHARGAAN TOKOH AKADEMIK BAHASA MELAYU 2015

**A**nugerah ini merupakan acara tahunan sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Sektor Pendidikan. Majlis penganugerahan tokoh ini disampaikan semasa Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Sektor Pendidikan. Penganugerahan Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu telah bermula sejak tahun 2012.

Dua orang penerima Anugerah Penghargaan Akademik Bahasa Melayu 2015 iaitu, **Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan**, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; dan Profesor Madya Dr. Noor Aina Dani dari Universiti Putra Malaysia. Tahniah dan syabas kepada Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan yang mewakili Akademi Pengajian Melayu.



#### Kriteria Anugerah Tokoh Bahasa Melayu

- a) Menjalankan penyelidikan ilmiah dengan menggunakan bahasa Melayu dan menghasilkan penerbitan daripada penyelidikan dalam bentuk bahan-bahan berwasit yang berimpak tinggi dalam bahasa Melayu;
- b) Penyeliaan tesis dalam bahasa Melayu;
- c) Pengajaran dalam bahasa Melayu;
- d) Khidmat Perundingan;
- e) Pengiktirafan dan sanjungan yang berkaitan bahasa Melayu;
- f) Rekod perkhidmatan yang cemerlang; dan
- g) Penglibatan dalam khidmat masyarakat.

### ANUGERAH KECEMERLANGAN UNIVERSITI MALAYA (ACUM) 2015

**P**ada tahun 2015 juga, APM telah mencatat sejarah kejayaan yang membanggakan apabila dua orang pensyarahnya telah diberikan pengiktirafan cemerlang dalam dua kategori masing-masing pada majlis penyampaian Anugerah Cemerlang Universiti Malaya (ACUM) 2015.



**Pensyarah Cemerlang Seni Dan Kreatif**  
Dr. Sabzali Musa Kahn

**Pensyarah Cemerlang Bidang Sains Sosial  
Dan Kemanusiaan**  
Prof. Madya Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid



**PINGAT EMAS PERTANDINGAN iCompEx 2015  
(INNOVATION & INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION)**



**Dr. Sabzali Musa Kahn** bersama pasukan penyelidik yang terdiri daripada Rusmawati Ghazali, Jaffri Hanafi, Rainal Hidayat Wardi, Mohd. Firdaus Ramli dan Maithreyi Subramanium telah memenangi pingat emas dalam pertandingan iCompEx (*Inovation and Invention Competition Through Exhibition*), yang diadakan di Kedah baru-baru ini.

Pertandingan ini merupakan pertandingan inovasi peringkat kebangsaan, dan menjadi platform terbaik bagi mengetengahkan idea-idea untuk dimajukan. Malahan ICompEx merupakan akronim kepada “*Innovation and Invention Competition Through Exhibition*” sebagai satu jenama pertandingan untuk mempamerkan penghasilan projek pelajar dan produk penyelidikan yang berkualiti. Pertandingan ini telah disertai oleh seramai 3640 orang dan berjaya mencipta rekod Malaysia (Malaysian Book of Records) sebagai pameran terbesar dan teramai penyelidik yang telah menyertainya. Akademi Pengajian Melayu amat berbangga dengan pencapaian beliau dan berharap agar kejayaan ini akan berterusan pada masa hadapan dan dapat menaikkan nama APM dan juga nama Universiti Malaya.

**BEST PAPER AWARD  
ABRA INTERNATIONAL CONFERENCE AN QUALITY OF LIVE**



**Dr. Sabzali Musa Kahn** dari Akademi Akademi Pengajian Melayu dan pasukannya iaitu Dr. Nik Nairan Abdullah, Dr. Mohd. Shahril Ahmad Saman dan Dr. Wakaq Al-Kubaisy dari Fakulti Perubatan di UiTM telah diumumkan sebagai pemenang dan mendapat *BEST PAPER AWARD* dalam *ABRA International Conference an Quality of Live (AqoL.2015Izmir)* yang diadakan pada 9-13 Disember 2015 di Izmir, Turki.

Persidangan tersebut diadakan di Dukuz Eylul Universitesi, Izmir, Turki. Panel penilai yang terdiri daripada 70 orang yang mewakili pelbagai negara. Semoga kemenangan ini memberi inspirasi kepada semua pensyarah dan pelajar untuk terus menyumbang idea dan kepakaran bagi meningkatkan nama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Diharapkan agar kerjasama dan jaringan yang erat antara Akademi Pengajian Melayu, UM dengan Fakulti Perubatan di UiTM akan lebih berjaya dan cemerlang pada masa hadapan.



## ANUGERAH SASTERAWAN NEGARA KE -13

**Dato' Dr. Zurinah Hassan** berkelulusan B.A.Hons (Universiti Sains Malaysia, 1974), M.A. (Universiti Putra Malaysia, 2002), dan Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Tesis: Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu (2008). Bidang kepakaran beliau ialah Penulisan kreatif, Sastera Melayu moden dan tradisional. Selain akademik, beliau juga penyair, cerpenis dan pengamal puisi moden dan tradisional. Beliau memiliki pengalaman kerjaya yang luas termasuk pernah berkhidmat sebagai pengajar (tutor) di Universiti Sains Malaysia (1975), dan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1976-1980). Selepas itu, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Kanan Penerangan di Jabatan Penerangan, Kementerian Penerangan Malaysia (1982-1977), selain menjadi Karyawan Tamu di Institut Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (1998-1999) dan seterusnya sebagai Karyawan Tamu Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (2011-2014).



Antara pencapaian beliau dalam bidang kesusasteraan adalah sebagai penerima Anugerah Sunthorn Phu, (Sunthorn Phu Poet Laureate), iaitu Anugerah Kecemerlangan Penyair Negara ASEAN oleh Kementerian Kebudayaan dan Persatuan Penyair Thailand (2013), Anugerah Penulisan Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) 2004, Thailand dan Anugerah Puisi Putera, (1984). Pada peringkat dalam negara pula, beliau telah memenangi hadiah karya sastera secara eceran sebanyak 27 kali dan menerima beberapa hadiah bagi kategori buku. Hadiah tersebut ialah untuk kumpulan puisi *Keberangkatan*, *Anugerah Puisi Putera* (1984), *Pujangga Tidak Bernama* (1994/1995), dan *Memoir Zurinah Hassan Menjejak Puisi* (2002/2003). Antara karya sastera (buku) beliau yang telah diterbitkan termasuklah *Sesayup Jalan* (1974), *Di sini Tiada Perhentian* (1977), *Keberangkatan* (1985), *Sasterawan Negara Usman Awang* (1986), *Kuala Lumpur and Other Places* (1988), *Meneruskan Perjalanan* (1989), *Hatimu Aishah* (1991), *Menjelang Pemilihan* (2004), *Salasilah* (2005), *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden* (2010), *Menghadap ke Pelabuhan/ Facing the Harbour* (2010), dan *Puisi Melayu Tradisional* (2012). Dengan segala pencapaian tersebut, Dato' Dr. Zurinah Hassan telah menerima pengiktirafan tertinggi sebagai Sasterawan Negara ke-13, sekali gus merupakan sasterawan wanita pertama yang menerima anugerah yang sangat berprestij di tanah air. Tahniah dan syabas!



Antara karya yang dihasilkan oleh  
Dato' Dr. Zurinah Hassan.



## HADIAH SASTERA DARUL IMAN II (HASDI) 2014 (KATEGORI BUKU SASTERA)



Hadiah Sastera Darul Iman merupakan salah satu cara Kerajaan Negeri Terengganu menghargai dan mengiktiraf warga sastera yang berasal dari Terengganu. Penerima pada tahun 2015 merupakan pensyarah APM, iaitu **Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali** yang memenangi kategori Buku Sastera. Buku *Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan* yang diangkat sebagai pemenang HASDI 2014 (kategori buku) adalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014. Penulisnya Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Majlis Penyampaian Hadiah HASDI II ini telah diadakan di Dewan Gamelan, Hotel Primula, Kuala Terengganu pada 12 September 2015.

HASDI II ditunjangi oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan mendapat kerjasama daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). HASDI 2014 adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para sasterawan anak Negeri Terengganu yang berwibawa dan banyak memberikan sumbangan kepada kemajuan dan penciptaan karya peringkat negeri dan negara, serta menghasilkan karya yang diiktiraf bermutu dan membina minda masyarakat secara keseluruhannya. HASDI merupakan hadiah sastera yang diadakan sekali dalam masa dua tahun terhadap karya-karya yang diterbitkan pada tahun yang ditetapkan oleh pihak penyelenggara atau penganjur.

Buku *Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan* memperagakan kajian yang komprehensif dengan gabungan teori yang cukup mantap, iaitu gabungan Teori Semiotik Peirce dan Morris. Analisis yang dibuat adalah mendalam dan sumber-sumber rujukan yang digunakan adalah bersesuaian dan teliti. Dengan menggunakan model teori semiotik, penelitian dijalankan terhadap tiga buah novel karya Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan, iaitu *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Arus* (1985) dan *Di Negeri Belalang* (1989). Buku ini sangat besar maknanya terutama apabila khalayak memerlukan pengetahuan yang mendalam tentang Teori Semiotik Peirce dan Morris. Kaedah dan analisis yang dilakukan juga sangat baik dan boleh dijadikan contoh untuk kajian lain yang menggunakan semiotik atau pendekatan-pendekatan lain juga.



## Pelajar OKU Akademi Pengajian Melayu Catat Rekod Malaysia Dalam Acara Kayuhan Basikal



Pelajar OKU penglihatan Akademi Pengajian Melayu, **Mohd Shahir Ramli** telah berjaya mencatat sejarah tersendiri dalam ***Malaysian Book of Records*** dengan menamatkan Program Jelajah Negeri Sembilan dengan mengayuh basikal sejauh 316 kilometer (KM) pada 28 Mei 2015 yang lepas.

Program kayuhan basikal yang bermula pada 26 hingga 28 Mei 2015 berjaya mencatat rekod Malaysia dalam kategori *Longest Distance Tandem Cycling by A Group (Visually Handicapped)* di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Negeri Sembilan. Sasaran awal untuk memecahkan rekod sejauh 300KM berjaya dianjukkan kepada 316 KM oleh insan istimewa ini.

Pencapaian ini merupakan satu kebanggaan kepada Akademi Pengajian Melayu kerana En. Mohd Shahir berjaya membuktikan bahawa ketidakupayaan bukan penghalang untuk mencapai sesuatu kejayaan.



## Shamsul Amin Pemenang Pertandingan ASEAN Young Writers Award



Seorang pelajar Akademi Bahasa Melayu, **Mohamad Shamsul Amin Md. Yusof**, telah diumumkan sebagai pemenang dari Malaysia dalam pertandingan ***ASEAN Young Writers Award***. Majlis yang diadakan di Hotel Mandarin Oriental, Bangkok Thailand pada 14 Disember yang lalu juga mengumpulkan pemenang – pemenang dari negara lain seperti Thailand, Indonesia, Myanmar, Brunei, dan negara – negara ASEAN yang lain. Anugerah berprestij ini telah disampaikan sendiri oleh Gabenor Bangkok, En. Sukhumbhand Paribatra kepada para pemenang.

SEA Write Award Organizing Committee dengan kerjasama Bangkok Metropolitan Administration dan Mahidol University, Thailand menganjurkan *The ASEAN Young Writers Award 2014*. Anugerah itu merupakan penghargaan sastera kepada penulis muda dari negara-negara Asia Tenggara. Tujuan penghargaan ini adalah untuk mempromosikan generasi penulis baru dalam dunia sastera, melestarikan ikatan budaya Asia Tenggara dan menyemai sikap kecintaan terhadap membaca dan menulis dalam kalangan anak-anak muda.

Pihak Akademi Pengajian Melayu amat berbangga dengan kejayaan ini dan mengucapkan tahniah dan syabas kerana berjaya membawa nama Malaysia ke luar negara. Semoga kemenangan ini memberi inspirasi dan contoh kepada pelajar lain untuk berusaha dan berjaya dengan lebih cemerlang lagi.

## Luqman Nulhakim Pembahas Terbaik Persidangan Mahasiswa Nasional (PEMANAS) 3.0



Pelajar Akademi Pengajian Melayu, **Luqman Nulhakim Harzamar** dari Jabatan Sosiobudaya Melayu telah dinobatkan sebagai “**Pembahas Terbaik PEMANAS 3.**” (**Juara**) dalam Persidangan Mahasiswa Nasional 3.0 (PEMANAS): Mahasiswa Arkitek Masa Hadapan.

Beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak RM1000.00 berserta sijil. Tajuk perbahasananya ialah *Pengaruh Pluralisme, Lesbian, Gay, Biseksual & Transeksual (LGBT) dan Ekstremis – Cabaran Pemikiran Mahasiswa*. Program anjuran Yayasan Minda dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Biro Pendidikan UMNO Malaysia ini diadakan pada 3 – 6 Disember 2015 di Dewan Tun Dr. Ismail, Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

PEMANAS 3.0 merupakan sebuah persidangan mahasiswa peringkat antarabangsa yang menghimpunkan seluruh mahasiswa dalam dan luar negara. Seramai 250 orang pemimpin mahasiswa daripada pelbagai latar belakang yang mewakili 20 IPTA, tujuh IPTS dan 72 buah Kelab UMNO Luar Negara (KULN) telah dihimpunkan dalam sebuah persidangan yang besar bagi membahaskan isu-isu berkaitan dengan kepentingan mahasiswa untuk diusulkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Pihak APM dengan berbesar hati ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Luqman Nulhakim atas kejayaan ini. Semoga kemenangan ini menjadi pembakar semangat kepada beliau untuk menjadi lebih cemerlang pada masa akan datang dan menjadi contoh kepada pelajar yang lain.

## Halwa Ziemah Juara Program Pembinaan Bakat Siswa 2015



Pelajar Akademi Pengajian Melayu, **Nurhalwa Ziemah Mazlan**, dinobatkan sebagai johan **Program Pembinaan Bakat Siswa 2015** anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kertas kajian sastera bertajuk *Igaukan Igau: Dari Sudut Pandang Strukturalisme Genetik* yang telah ditulis dan dibentang oleh Nurhalwa Ziemah itu ternyata membawa tuah kepadanya. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM3,500 berserta hadiah iringan. Usaha dan penat lelah beliau mengkaji novel karya Abang Median Abang Said setebal 316 halaman selama sebulan akhirnya membuatkan hasil.

Tahniah diucapkan kepada Nurhalwa Ziemah, serta Dr. Madiawati Mamat yang banyak memberi tunjuk ajar kepada beliau sepanjang pertandingan ini berlangsung. Semoga nama Akademi Pengajian Melayu terus mekar pada masa akan datang.

## SEBAHTERA V: Merungkai Persoalan Pengajian Melayu Kontemporari

**S**eminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (SEBAHTERA) V telah diadakan pada 27 Oktober 2015 yang lalu, bertemakan “Pengajian Melayu Kontemporari” telah berlangsung di Akademi Pengajian Melayu. Seminar kerjasama antara Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan seminar yang diadakan setiap tahun mengikut giliran yang ditetapkan.

Seminar yang mendapat sambutan daripada dua buah institusi ini menyediakan lebih kurang 12 kertas kerja yang dihasilkan oleh kakitangan akademik serta pelajar UM dan UKM, merangkumi aspek bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Kertas ucaptama oleh Prof. Dr Zulkifley Hamid, pensyarah Pusat Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, mengupas persoalan mengenai pendidikan bahasa Melayu dalam masyarakat kontemporari dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa penyatu untuk sebuah negara pelbagai etnik. Manakala ucaptama oleh Prof. Dr. Mohamad Mokhtar, Pengarah Akademi Pengajian Melayu pula menjelaskan sejarah perkembangan Pengajian Melayu di Universiti Malaya sejak awal penubuhannya sehingga kini yang merangkumi aspek sejarah, perkembangan dan lulusan Pengajian Melayu sejak tahun 1970-an sehingga kini.

Seminar selama sehari ini bukan sahaja sebagai platform untuk bertukar pendapat serta ilmu antara dua universiti, tetapi lebih daripada itu. Seminar ini merupakan usahasama yang terjalin untuk mengangkat martabat Pengajian Melayu ke peringkat yang lebih tinggi.

## “Pengajian Melayu Kontemporari”



## Siri Seminar Jabatan Kesusasteraan Melayu 2015



Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu telah menganjurkan Siri Seminar Jabatan pada tahun 2015 yang merangkumi Seminar Naskhah Melayu, Diskusi Buku dan Wacana Ilmu. Setiap bulan seminar tersebut akan berlangsung mengikut jadual yang ditetapkan. Bermula dengan Seminar Naskhah Melayu (Mac 2015), diikuti dengan Diskusi Buku (April 2015) dan Wacana Ilmu (Jun 2015).

Seminar Naskhah Melayu merupakan seminar kerjasama antara Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu dengan Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial serta Bahagian Manuskrip Perpustakaan Negara Malaysia. Seminar ini meneroka manuskrip Melayu dari pelbagai aspek kajian. Pemakalah seminar pada bulan Mac 2015, iaitu Prof. Madya Dr. Razak Abdul Karim telah membincarakan perihal punca dan rawatan penyakit lelaki dalam *Kitab Tib* m/s 2219. Perbincangan ini bukan sahaja menjelaskan jenis, punca dan rawatan penyakit lelaki tetapi juga menjelaskan deksripsi naskhah *Kitab Tib* tersebut. Pelbagai rawatan mengikut pandangan tradisi masyarakat Melayu tradisional dijelaskan secara terperinci. Menurut beliau, rawatan yang dibincangkan merupakan rawatan alternatif dan terpulang kepada masyarakat untuk mempercayainya atau tidak.

Siri Diskusi Buku pula merupakan perbincangan yang menjurus kepada bicara karya sama ada karya akademik atau kreatif. Pada bulan April telah berlangsung Diskusi Buku oleh Dato' Dr. Zurinah Hassan dari Jabatan Kesusasteraan Melayu, yang mengupas persoalan Seni Mengarang Syair dalam “*Syair Madah Permata*”, karya Ibnu Abdir Raheem, Brunei Darussalam manakala Encik Nazri Ahmad, pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia pula membincangkan “*Wan Ahmad Ismail: Dari Pulau ke Pentas*”, Satu Penilaian Teks.

Wacana Ilmu pula membincangkan pelbagai aspek bidang kesusasteraan Melayu dari pada kepakaran ahli akademik Jabatan Kesusasteraan Melayu. Wacana Ilmu yang bermula pada bulan Mei 2015 dimulai oleh Prof. Dato' Hashim Awang yang mengupas persoalan kesusasteraan Melayu dalam ruang lingkup yang baharu. Beliau menjelaskan bahawa bidang kesusasteraan akan lebih berkembang maju dan boleh pergi jauh jika dikaji dalam ruang lingkup yang baharu, antaranya aspek psikologi sastera, landskap dalam sastera Melayu dan multimedia dengan sastera.

Ketiga-tiga seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu merupakan acara tahunan jabatan dalam usaha untuk mengembangkan perbincangan bidang kesusasteraan dari pelbagai perspektif dan memasyarakatkan dunia kesusasteraan kepada khalayak.




### Penyambungan MoU antara BFSU dan APM

**H**asil lawatan Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Dato Dr. Mohd Amin Jalaludin dan Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan ke Beijing Foreign Studies University baru-baru ini telah membawa hasil apabila Memorandum of Understanding (MoU) antara Beijing Foreign Studies University (BFSU), Republik Rakyat China dengan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya berjaya disambung pada 24 Mac 2015 yang lalu.

Diharapkan penyambungan MoU selama lima tahun itu akan banyak memberi ruang kepada APM dan BFSU untuk mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua universiti yang sememangnya akan akan memberi banyak manfaat dan faedah kepada pelajar kita mahupun kepada Universiti Malaya khususnya.



### Menandatangani MoU antara APM dan TSFU



**P**ada 24 Mac 2015, satu lawatan ke Tianjin Foreign Studies University (TSFU) yang dihadiri oleh Pengarah APM, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan bersama Prof. Dr. Abdullah Ghani telah diadakan bagi menjayakan kerjasama dua hala antara Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya dengan Tianjin Foreign Studies University, Republik Rakyat China.

Sehubungan dengan itu, MoU antara APM dan TSFU telah ditandatangani dengan jayanya pada hari tersebut. Antara yang terkandung dalam perjanjian persefahaman tersebut adalah mengenai program pertukaran pelajar, program pertukaran tenaga pengajar dan usul mengadakan seminar antarabangsa bersama.

Selain itu, pihak APM juga dimaklumkan bahawa Alumni APM, Maryani Ahmad telah menjadi tenaga pengajar Bahasa Melayu di Tianjin Foreign Studies University. Kerjasama ini diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara universiti luar negara dengan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan memberikan impak yang positif kepada dunia Pengajian Melayu.



*Jika hendak mengenal orang berbangsa, lihatlah kepada budi dan bahasanya.*

Za'ba

## Menandatangani MoU dan MoA antara APM dan Guandong University of Foreign Studies, China



Akademi Pengajian Melayu telah menjalankan hubungan kerjasama dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, Republik Rakyat China pada 10 Jun 2015. Pihak Akademi Pengajian Melayu diwakili oleh Pengarah APM, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan ketua Jabatan Bahasa Melayu, Prof. Madya. Dr. Ab. Razak Ab. Karim manakala pihak Guangdong University of Foreign Studies diwakili oleh timbalan presiden, Prof. Dr. Fang Fanquan, dan Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Prof. Madya. Tan Xiao.

Guangdong University of Foreign Studies akan menawarkan Program Bahasa Melayu dengan pengambilan pelajar untuk pertama kalinya sebanyak 20 orang pada bulan September ini. Pihak Akademi Pengajian Melayu pula akan membantu dari segi tenaga pakar dan usaha untuk mengembangkan bahasa Melayu di China. Usaha ini dilihat sebagai satu peluang besar kepada graduan Akademi Pengajian Melayu untuk menjadi tenaga pengajar di Guangdong University of Foreign Studies.

### Menandatangani Dokumen Pertukaran Pelajar (*Student Exchange Agreement*) antara APM dan UNAND

Akademi Pengajian Melayu telah menandatangani dokumen Pertukaran Pelajar (*Student Exchange Agreement*) antara Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya dan Universitas Andalas (UNAND), Indonesia pada 27 Ogos 2015.

Pihak Akademi Pengajian Melayu diwakili oleh Pengarah APM, Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Ketua Jabatan Linguistik Melayu, Dr. Salinah Jaafar, manakala pihak UNAND diwakili oleh Rektor, Profesor Dr. Wery Darta Taifur, dan Dekan Fakulti Ilmu Kemanusiaan, Profesor Dr. Phil Gusti.



Hasil daripada menandatangani dokumen Pertukaran Pelajar (*Student Exchange Agreement*) ini, pelajar-pelajar Ijazah Tinggi APM seramai 13 orang telah menyertai program pertukaran pelajar ke UNAND pada 9-25 Ogos 2015, manakala pada 20-30 November 2015 seramai 10 orang pelajar UNAND telah hadir ke APM sebagai lawatan balas program tersebut.



### Menandatangani Dokumen Pertukaran Pelajar (*Student Exchange Agreement*) dan MoU antara APM dan Universitas Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia



Akademi Pengajian Melayu telah menandatangani *Memorandum of Understanding* dan dokumen Pertukaran Pelajar (*Student Exchange Agreement*) antara Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan Universitas Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia pada 13 November 2015.

Pihak Akademi Pengajian Melayu diwakili oleh Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi), Prof. Madya Dr. Nor Hisham Osman dan Ketua Jabatan Bahasa Melayu, Profesor Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, manakala pihak Universitas Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia diwakili oleh Rektor, Ir. L.M. Samsul Qamar, MT dan Dr. Andi Tenri, M.Si, Timbalan Rektor IV.

Melalui jaringan kerjasama ini, pihak Akademi Pengajian Melayu dan Universitas Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia telah merangka pelbagai program untuk merealisasikan dokumen yang telah ditandatangani ini.

# JALINAN MASYARAKAT

Jalinan Masyarakat (GXEX1417) merupakan kursus universiti yang wajib diambil oleh semua mahasiswa di Universiti Malaya. Kursus ini berpaksikan aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelaan bertujuan mendedahkan kepada mahasiswa mengenai khidmat kemasyarakatan dan memupuk semangat sukarela dalam diri mahasiswa. Selain itu, Program Jalinan Masyarakat turut memberi peluang kepada mahasiswa mempelajari dan memahami budaya masyarakat setempat. Sebagai kursus universiti yang wajib diikuti oleh semua mahasiswa, Jalinan Masyarakat bukan sekadar memenuhi jam kredit semata-mata, malah diharapkan dapat menerapkan semangat dan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan kemasyarakatan dan kemampuan mahasiswa bekerja dalam pasukan. Selain itu, segala pengalaman yang diperoleh daripada program ini dapat memperkuuh jati diri dan sistem nilai sedia ada dalam diri mahasiswa.

Kampung Cherok Paloh Kuantan, Pahang merupakan lokasi yang dipilih untuk menjayakan Program Jalinan Masyarakat. Pada 7 - 9 Ogos 2015, seramai 87 orang mahasiswa Akademi Pengajian Melayu menyertai program tersebut. Semua mahasiswa telah ditempatkan di rumah keluarga angkat yang telah ditetapkan. Empat orang penyelaras turut menyertai program tersebut, iaitu Dr. Rohaidah Haron (Jabatan Bahasa Melayu), Pn. Noor Hasnoor Mohd. Nor (Jabatan Linguistik Melayu), Dr. Mohd. Taufik Arridzo (Jabatan Kesusastraan Melayu), dan En. Mohd. Nazzri Ahmad (Jabatan Sosiobudaya/Kesenian Melayu). Ahli Majlis Tertinggi yang diterajui Sdr. Mohamad Adham Kamarulzaman telah merangka pelbagai aktiviti di kampus untuk dilaksanakan di lokasi program. Setiap aktiviti mempunyai tujuan dan manfaatnya tersendiri kepada mahasiswa dan masyarakat kampung.




Program Jalinan Masyarakat dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) Kampung Cherok Paloh, Kuantan, Pahang yang berlangsung selama tiga hari itu telah diisi dengan aktiviti-aktiviti menarik seperti senamrolik, Jejak Menara, Uji Minda, Cheers, Jom Masuk U, dan Malam Tautan Pertiwi. Acara sukan rakyat seperti Boling Nyiur, Baling Kasih, Pancing Botol, dan Bola Tampar memeriahkan lagi pengisian program antara mahasiswa dengan masyarakat kampung. Jalinan kemesraan antara mahasiswa dengan masyarakat kampung terlihat menerusi kerjasama menyiapkan juadah jamuan hari raya dan majlis penutup program. Majlis penutup Program Jalinan Masyarakat dirasmikan oleh Encik Zaliza, iaitu wakil pejabat Yang Berhormat Inderapura. Selepas majlis penutup selesai, semua mahasiswa bersiap sedia untuk pulang ke Universiti Malaya pada pukul 4 petang.



## Latihan Industri

Mulai 4 Julai 2014, sebahagian mahasiswa APM, khususnya yang berada pada tahun akhir (sesi kemasukan 2012/2013) menjalani kursus Latihan Industri (LI). Seramai 101 orang menjalani kursus tersebut untuk tempoh 2 atau 3 bulan, bergantung kepada Program Pengajian yang diikuti. Kursus LI ialah kursus penyesuaian pekerjaan di tempat pekerjaan sebenar di luar kampus. Mereka mengikuti LI di pelbagai tempat dan negeri, sama ada sektor awam atau swasta. Antara tempat latihan mereka ialah Pusat Bahasa Melayu, Kementerian Pelajaran Singapura, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Angkasapuri, News Strait Times (NST), Radio Televisyen Malaysia (RTM), Pejabat Pelajaran Daerah, Majlis Daerah, dan lain-lain. Antara tujuan kursus LI diwujudkan adalah untuk mempersiap bakal graduan, khususnya mahasiswa APM dengan situasi sebenar alam pekerjaan yang akan dihadapi nanti. Melalui LI, mereka akan memperoleh pengalaman awal dan mampu bersaing. Pecahan LI mahasiswa APM berdasarkan negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah pelajar
1.	Kuala Lumpur	34
2.	Selangor	12
3.	Kelantan	19
4.	Terengganu	4
5.	Pahang	8
6.	Perak	7
7.	Perlis	1
8.	Kedah	1
9.	Pulau Pinang	3
10.	Negeri Sembilan	1
11.	Johor	5
12.	Sabah	4
13.	Sarawak	2
14.	Singapura	4



## *Peristiwa Bergambar di APM*



**Seminar Sastera Sabah**



**Sambutan Aidilfitri 2015**



**Nukilan Jiwa**



**Pelancaran Bas Ismail Embong**



**Seminar Kerjaya Dalam Penerbitan**

# Festival Akademi Pengajian Melayu 2015

## “Jiwa, Adab dan Adat”



Penyatuhan idea, interaksi antara pensyarah dan pelajar serta sokongan daripada semua warga APM sekali lagi telah merealisasikan Festival Akademi Pengajian Melayu 2015 secara gilang-gemilang bermula 18 Mei 2015 sehingga 22 Mei 2015. Bertemakan “Jiwa, Adab dan Adat” dengan konsep Teaterikal dan Tradisi, festival ini telah dirasmikan oleh Penasihat Sosiod budaya Malaysia, Tan Sri Dr. Rais Yatim pada 20 Mei 2015 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu. Acara perasmian ini telah dimulakan dengan permainan lagu rakyat diiringi muzik serunai dan gendangan serta diserikan dengan prolog Bangsawan yang menggerakkan majlis. Sempena perasmian Festival kali ini, APM turut melancarkan empat buah buku terbitan warga APM iaitu *Kritikan Sastera Dalam Teori dan Aplikasi*, *Seni Ekspresi Kreatif*, *Drama Melayu; Dari Skrip ke Pentas* dan *Transformasi Pengajian Melayu*. Hadirin juga dihiburkan dengan persembahan nyanyian lagu tradisional daripada pelajar APM dan persembahan pelajar Yunnan, China. Sempena festival kali ini juga majlis penyerahan hasil kutipan sumbangan Mangsa Bah Kuning 2014 telah disampaikan secara rasmi oleh Pengarah APM, Profesor Dr. Mokhtar Abu Hassan kepada wakil NGO dari Kelantan, Encik Ahmad Jaafar.

Sebelum majlis perasmian, Festival APM telah dimulakan dengan pameran kesenian dan Pasar Budaya yang mempamerkan dan mengkomersilkan hasil seni pelajar dan pensyarah di Dewan Angsana dan Anjung APM. Penganjuran pelbagai pertandingan yang melibatkan pengurusan daripada pelajar telah dilaksanakan sebagai memenuhi penilaian atas pelajar menerusi kursus-kursus yang mereka pelajari. Pertandingan tersebut adalah seperti Nyanyian lagu-lagu Asli, Pertandingan Debat, Pertandingan Mendeklamasi Sajak dan sebagainya. Menerusi Jawatankuasa Perkampungan Ilmiah, Seminar Seni & Budaya Melayu Antarabangsa telah dilaksanakan dengan pembentangan kertas kerja oleh sarjana dan ilmuwan daripada Malaysia, Indonesia dan China. Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan sempena festival kali ini.

Festival ini disemarakkan lagi dengan variasi persembahan kesenian pada sebelah malamnya. Malam pertama, Anjung APM diserikan dengan persembahan Wayang Kulit oleh Kumpulan PASIBAN yang dibawa khas dari Kelantan. Malam kedua diadakan persembahan Teater dan Tari Kontemporari oleh Universitas Pendidikan Indonesia dan Universitas Sumatera Utara di Dewan Semarak, APM. Seterusnya pada malam ketiga, Dewan Angsana disemarakkan dengan Persembahan Teater Randai Si Jundai oleh Kumpulan Randai UM (APM/Seksyen Kesenian dan Kreatif HEP). Pada malam terakhir, acara festival diteruskan dengan persembahan Hadrah, Maulud, Nasyid dan Puisi. Persembahan ini menggabungkan kerjasama daripada pihak APM, UM dan juga melibatkan penggiat-penggiat seni tanah air.

Semua persembahan empat malam berturut-turut itu mendapat sambutan yang luar biasa daripada pelajar-pelajar APM, UM dan masyarakat luar amnya. Buat julung-julung kalinya, pentas APM bergema dengan kepelbagai persembahan tradisi Melayu yang perlu disemarakkan dan diwariskan kepada generasi akan datang. Sebagai penutup festival dan juga sudah menjadi satu program tradisi, acara Kenduri Rakyat diadakan pada hari terakhir festival. Pelajar-pelajar APM berkerjasama dan rewang untuk menyediakan juadah santapan sempena majlis yang berkoncepkon perkahwinan Melayu tradisional.



## 20 Festival APM 2015

Festival yang dilaksanakan pada setiap tahun ini pada umumnya merupakan medan interaksi antara pelajar dan pensyarah APM dan turut melibatkan kerjasama golongan profesional luar kampus dan masyarakat kreatif pada peringkat antarabangsa. Festival ini juga dilihat sebagai satu promosi pengajian akademik kepada masyarakat luar khususnya. Festival APM juga merupakan satu medan dalam melestarikan budaya dan tradisi Melayu meskipun dalam arus perkembangan teknologi yang pesat hari ini, seiring dengan harapan Tan Sri Rais Yatim sebagai Penasihat Sosiobudaya Malaysia.



# Kenduri Rakyat APM

## Semarakkan Budaya Rewang



**K**enduri Rakyat Akademi Pengajian Melayu (APM) merupakan acara penutup Festival APM 2015 yang telah berlangsung pada 18-22 Mei 2015. Kenduri Rakyat kali ini bertemakan “Tradisi di hati, ukhwah terpasteri” mengenangkan budaya perkahwinan Melayu tradisional. Majlis tersebut bukan sahaja menghidangkan masakan kenduri perkahwinan Melayu seperti nasi minyak dan gulai kawah, tetapi juga memaparkan adat istiadat persandingan Melayu seperti pengantin memakai sepersalinan pakaian songket Melayu, para jemputan turut serta dalam acara perarakan dan merenjis pengantin.


Acara ini menyemarakkan budaya rewang (acara persiapan dijalankan sebelum kenduri) dalam kalangan pelajar di Akademi Pengajian Melayu kerana mereka mengadakan aktiviti gotong-royong untuk menyediakan persiapan masakan pada majlis tersebut. Penyediaan masakan ini bermula sebulan awal lagi, iaitu daripada peringkat memilih menu masakan, mengagihkan kerja dan seterusnya peringkat memasak. Pelajar dan kakitangan berkerjasama dalam menyediakan persiapan kenduri ini. Selain itu, program seumpama ini bukan sahaja dapat memupuk semangat kerjasama dan mengasah bakat kepimpinan dalam kalangan pelajar, tetapi juga boleh memperkenal budaya dan adat istiadat Melayu kepada masyarakat hari ini.







## Buku Terbaru Terbitan Akademi Pengajian Melayu



Jurnal Pengajian Melayu

Jilid 24


RM25.00



Jurnal Pengajian Melayu

Jilid 25

RM20.00



Jurnal Pengajian Melayu

Jilid 26

RM25.00




Kepelbagaian Laras Bahasa Melayu - Cetakan Ketiga

RM25.00




Transformasi  
Pengajian Melayu

RM30.00



Monograf Kesusasteraan  
Melayu 2015

RM28.00



Seni Ekspressi Kreatif

RM40.00



Nuansa Ukiran Kayu Melayu

RM49.90

Bagi mendapatkan  
buku-buku terbitan kami,  
sila hubungi:


Puan Ahna Sum Sum

Tel: 03-79677211


Faks: 03-79677214

E-mel: ahna@um.edu.my


## Buku Terbaru Staf Akademik




*Permata Hitam*  
Profesor Emeritus Datin  
Dr. Rahmah Haji Bujang  
03-79677211



*Dirgahayu Bahasa Istana Johor*  
Dr. Salinah Jaafar  
03-79677206/7258



*Buku Bicara Bahasa Panduan  
Mudah & Sistematis  
Tatabahasa Bahasa Melayu*  
Profesor Madya Dr. Ab. Razak  
Ab. Karim  
03-79677208/7254



*Drama Melayu  
Dari Skrip ke Pentas*  
Profesor Emeritus Datin  
Dr. Rahmah Haji Bujang  
- 03-79677211

## PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR (OUTBOUND) APM-BFSU DI BEIJING, CHINA



Seramai 16 orang pelajar Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya telah terpilih untuk menyertai program pertukaran pelajar (Outbound) antara Akademi Pengajian Melayu (APM) dan Beijing Foreign Studies University (BFSU), Republik Rakyat China. Program Pertukaran pelajar ini merupakan kesinambungan hasil lanjutan MOU antara Universiti Malaya (UM) dan Beijing Foreign Studies University (BFSU).

Program yang bermula pada 31 Julai hingga 31 Ogos 2015 itu memberikan pengalaman yang amat berharga kepada para pelajar Akademi Pengajian Melayu kerana sepanjang satu bulan mereka di Beijing, mereka telah mengikuti kelas bahasa Mandarin dan kelas budaya Cina yang lebih komprehensif selain dapat merasai sendiri pengalaman berkelana di luar negara. Antara kelas yang telah dijalankan pada ketika ini ialah kelas bahasa, kelas seni membuat teh Cina dan seni hiasan tangan Cina yang sememangnya amat baru dan bagi pelajar APM.

Semua pelajar yang berjaya menyertai program ini dipilih melalui sesi temuduga dan dipertimbang melalui kriteria personaliti yang baik, keputusan akademik yang cemerlang, aktif di APM, dan beberapa aspek lagi. Sebelum berlepas ke Beijing, mereka juga dikehendaki untuk mengikuti kelas budaya dan bahasa Mandarin di Institut Kong Zi, Universiti Malaya selama 10 hari sebagai persediaan ke sana.

Program pertukaran pelajar yang sememangnya menjadi tradisi bagi APM dilihat sebagai alternatif usaha untuk mempromosikan APM, UM ke luar negara dan juga usaha untuk mengembangkan Pengajian Melayu di China. Diharapkan agar program ini dapat memberikan peluang yang amat berharga kepada pelajar APM untuk menimba ilmu sebanyak mungkin dan dapat menaikkan lagi nama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya serta mengeratkan lagi hubungan baik antara dua negara, Malaysia dan China.





云南民族大学  
YUNNAN UNIVERSITY OF NATIONALITIES



## HOMESTAY PELAJAR INBOUND YUNNAN, CHINA



Program inap desa yang dianjurkan oleh Akademi Pengajian Melayu ini disertai oleh pelajar pertukaran dari Yunnan University of Nationalities, Republik rakyat China. Program ini merupakan program kemuncak kepada pelajar tersebut yang telah berada selama 10 bulan di Malaysia mempelajari dan mendalami bahasa Melayu di Malaysia.

Program Inap Desa merupakan salah satu perkara yang terkandung dalam perjanjian persefahaman antara Yunnan University of Nationalities dengan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendedahkan para pelajar tentang budaya, cara hidup, sejarah, adat serta hal-hal lain mengenai orang Melayu. Oleh yang demikian, pelajar juga tidak hanya mempelajari bahasa, malah dapat mengenali masyarakat Melayu dengan lebih dekat.



Program yang berjalan sepanjang 5 hari 4 malam ini mempunyai pelbagai aktiviti, antaranya ialah mengoca ikan, membuat dodol dan lemang, menoreh getah, membuat kuih-muih tradisional, kelas kraftangan, kelas Cak Lempong dan banyak lagi. Satu perkara yang mengejutkan penduduk Kampung Lonek ialah pelajar-pelajar dari China ini mampu menguasai permainan muzik tradisional Cak Lempong ini hanya dalam masa setengah hari sahaja. Setiap pelajar mempunyai keluarga angkat masing-masing dan mereka tinggal bersama-sama agar boleh menyesuaikan diri dengan suasana kampung dan cara hidup orang melayu di Negeri Sembilan.

Majlis perasmian penutup dihadiri oleh pelajar, penduduk Kampung Lonek, pensyarah Akademi Pengajian Melayu, dan telah dirasmikan oleh Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Dalam ucapannya menyatakan bahawa program seumpama ini sememangnya harus menjadi tradisi kerana bukan sahaja pelajar dapat mengenali bahasa dan budaya Melayu, bahkan dapat mempromosi Malaysia di luar negara.



# KONVOKESYEN

## 2015



Istiadat konvokesyen 2015 menyerlahkan APM sebagai salah satu PTj yang menghasilkan graduan bermutu. Pada sesi kali ini, seramai 138 orang graduan pada peringkat Ijazah Dasar, sejumlah 14 orang graduan pada peringkat sarjana, serta seramai 6 graduan Ijazah Ph.D.

Jabatan Kesusasteraan Melayu paling ramai menghasilkan pelajar Ph.D pada tahun ini, iaitu lima orang pelajar. Sebaliknya paling ramai graduan Ijazah Dasar dihasilkan oleh Jabatan Bahasa Melayu, iaitu seramai 46 orang graduan. Jabatan Bahasa Melayu juga menggungguli pelajar yang paling ramai mendapat Lulus Cemerlang bagi pelajar Ijazah Dasar, iaitu seramai 13 orang pelajar.

Seramai 26 graduan Ijazah Dasar APM menerima Hadiah Buku Universiti. Sdr. **Ishak Sairozi Abdullah** menerima Hadiah Buku Cikgu Osman Hassan, Sdr. Ishak Sairozi juga tersenarai dalam senarai calon akhir penerima Anugerah Pelajaran Diraja; dan Sdr. **Siti Hajar Mohd Nasir** menerima Pingat Emas Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat.

Paling istimewa pada tahun ini **Profesor Datin Dr. Hajah Rahmah Bujang** mendapat gelar Profesor Emeritus di majlis Konvokesyen yang dianugerahkan oleh DYMM Tuanku Canselor, DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Selain Profesor Datin Dr. Hajah Rahmah Bujang, Profesor Kapten Dato' Dr. Hashim Yaacob (B) PSSTLDM turut menerima gelaran Profesor Emeritus pada majlis konvokesyen kali ini.

Berikut merupakan petikan ucapan Pengarah ketika pengurniaan Profesor Emeritus kepada Profesor Datin Dr. Hajah Rahmah Bujang.

Rahmah Bujang dilahirkan pada 18 Mac 1947 di Pontian, Johor. Pendidikan formal Rahmah bermula pada tahun 1953, dengan memasuki Sekolah Rendah Kebangsaan (Melayu) di Pontian, Johor, seterusnya melanjutkan persekolahan di Government English School, Pontian dan English College, Johor Bahru. Pada tahun 1966, beliau meneruskan pengajian di Universiti Malaya. Dari tahun 1969 hingga 1972, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Malaya. Pada tahun 1974, beliau melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah di University of Hull, Humberside di England dengan menerima geran Skim Pertukaran University Malaya-Universiti Hull. Beliau lulus PhD pada tahun 1977, dan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sosiologi pada tahun 1978 oleh University of Hull, England.


Beliau memulakan kerjaya sebagai pengajar di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya mulai tahun 1969. Pada tahun 1971, beliau dilantik sebagai Pensyarah. Pada tahun 1983, beliau dinaikkan pangkat ke Profesor Madya dan pada tahun 1994, beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor. Selepas bersara, pada tahun 2003, perkhidmatan beliau masih diperlukan dan dilantik sebagai Profesor Kontrak. Pada tahun 2014 sehingga kini beliau menjawat jawatan sebagai Felo Penyelidik Kanan di Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Di samping tugas sebagai pensyarah, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pengetua Asrama Tuanku Kurshiah, Universiti Malaya, Pengarah Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya dan pernah juga memegang tugas jawatan sebagai Ketua Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu selama 11 tahun. Kecemerlangan kepimpinan beliau amat dihargai dan dikagumi dalam tempoh beliau menerajui Jabatan Kesenian Melayu; Pusat Kebudayaan dan sebagai Pengetua Asrama. Banyak idea bernaik disumbangkan oleh beliau bagi memajukan organisasi ketika beliau memegang tumpuk pimpinan. Antaranya, beliau memperkenalkan kursus-kursus baru, baik ketika di Pusat Kebudayaan, mahupun ketika menjawat jawatan Ketua Jabatan Kesenian Melayu.

Pada peringkat antarabangsa, Rahmah pernah menyandang tugas sebagai Koresponden Jurnal Indonesia Circle School of Asian Studies, London (SOAS), pernah menyandang Timbalan Setiausaha Bahagian Asia II (Eastern Asia) kepada International Organization of Folk Art (IOV - ibu pejabat di Austria). Kini beliau masih merupakan Presiden Women Federation for World Peace (WFWP), Malaysia Chapter.

Beliau telah menghasilkan lebih 20 buah buku. Antaranya ialah *Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura*, *Boria A Form of Malay Theatre*, *Seni Persembahan Bangsawan, Pengalaman Drama Noh di Jepun*, *Kesenian Melayu, Wadah Wahana Seni Persembahan, Reka Bentuk Seni, Glosari Kesenian Melayu: Seni Visual & Seni Persembahan, Drama Melayu: Dari Skrip Ke Pentas dan Seni Ekspresi Kreatif*.

Atas sumbangan dan keserjanaan yang telah Datin Dr. Rahmah berikan, beliau menerima pelbagai anugerah. Pada tahun 1998, beliau dianugerahkan Darjah Seri Melaka (DSM) oleh Tuan Yang Terutama Gabenor Melaka. Beliau pernah dinobat sebagai Ambassador for Peace daripada Interreligious Federation for World Peace (IIFWP), United States of America pada tahun 2001, Di Universiti Malaya, Rahmah telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, untuk tahun 2003 dan 2004. Beliau juga pernah mendapat anugerah Gangsa dalam Malaysia Technology Expo pada tahun 2007 dalam penyelidikan yang beliau ketuai.



# TAHNIAH!



Tuhan selalu mencela keras akan orang-orang yang hanya mengikut dengan buta tulis sahaja apa yang dikatakan orang atau apa yang biasa dibuat orang. Umpama mereka yang berdegil mengikut jalan neneh moyang atau pendapat orang dahulu-dahulu dengan tiada ditimbang lagi salah benarnya atas neraca timbangan akal sendiri, bahkan tiada dikira walaupun berlawanan dengan akal fikiran yang insaf dan bersalah dengan ilmu pengetahuan yang sah betulnya. – Za'ba



Jika hendak mengenal orang berbangsa  
lihatlah kepada budi dan bahasanya.

- Za'ba -

## Penghargaan

Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan Buletin APM 2015.

Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Tel: 03-7967 7211  
Faks: 03-7967 7214  
E-mel: [apm@um.edu.my](mailto:apm@um.edu.my)  
Laman Web: <http://apm.um.edu.my/>

Dicetak oleh:  
Penerbit Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur